

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-**

- (a) sama ada pihak Kementerian menyediakan dana bagi membina jalan-jalan ladang bagi memudahkan pekebun kecil (Produk Komoditi) di negeri Sabah dan Sarawak untuk mengeluarkan hasil mereka; dan
- (b) jumlah panjang jalan bagi maksud di atas yang telah di bina di negeri Sabah dan Sarawak dan jumlah dana yang disedia serta agensi pelaksana bagi program di atas.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah diluluskan peruntukan dana sebanyak RM60 juta, iaitu RM20 juta untuk tahun 2013 dan RM40 juta untuk tahun 2014 bagi pembinaan Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil Persendirian (JLPK) di seluruh negara; dan
- (b) Daripada jumlah RM60 juta tersebut, sebanyak RM44.5 juta telah diperuntukkan bagi projek JLPK di kedua-dua negeri melibatkan pembinaan jalan ladang sepanjang 216.8 km, iaitu 68.3 km di Sabah dan 148.5 km di Sarawak. Tahap kemajuan dalam pembinaan projek JLPK setakat ini adalah 24.9 km di Sabah dan 29.99 km di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi pelaksana projek JLPK untuk tahun 2013 ialah FELCRA. Manakala pada tahun 2014, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana projek JLPK tersebut. Pemilihan JPS sebagai agensi pelaksana projek JLPK adalah kerana kepakaran teknikal yang dimilikinya. Kementerian bersama-sama dengan pihak JPS adalah bertanggungjawab untuk memantau projek JLPK di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.